

Surat kami : 100-UiTMKNS/R (HEA.37/9)  
Tarikh : 10 Mac 2022

Saudara/Saudari,

**PEMAKLUMAN KEPADA PELAJAR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU BERKAITAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS SECARA BERPERINGKAT BAGI SESI MAC – OGOS 2022.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan pengumuman Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 09 Februari 2022 dan surat bertarikh 25 Februari 2022 berkenaan kemasukan pelajar ke kampus secara berperingkat bermula Mac 2022, Pekeliling Akademik UiTM Bilangan 02 tahun 2022 : Pelan Tindakan Perkuliahan *Open and Distance Learning* Kali Ke- 5 (ODL 5.0) bagi sesi II 2021/2022 Universiti Teknologi MARA telah dikeluarkan bagi memperincikan pelan tindakan ODL 5.0 dan kemasukan pelajar ke kampus dengan mengutamakan kategori pelajar berkeperluan yang ditetapkan seperti berikut:

Kategori	Perincian
1	Pelajar program pengajian peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda dan pasca siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan serta perisian khusus.
2	Pelajar program yang memerlukan pentaksiran bersemuka seperti program seni.
3	Pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian.
4	Pelajar Baharu pada sesi II 2021/2022.
5	Pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu yang lengkap vaksinasi sahaja
6	Pelajar Berkeperluan Khas (OKU).
7	Pelajar yang menduduki Peperiksaan <i>Malaysia University English Test</i> (MUET). Antarabangsa dan Badan Profesional atau peperiksaan akhir yang tertakluk kepada ketetapan dari badan profesional
8	Pelajar yang perlu melengkapkan Tidak Lengkap (TL).
9	Pelajar yang jalani latihan industri di kampus
10	Pelajar lama (semester dua (2) ke atas) yang tidak pernah menjejaki kampus setelah berdaftar sebagai pelajar UiTM

3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN) UiTM Cawangan Negeri Sembilan pada 4 Mac 2022 telah meluluskan pelajar kategori berkaitan yang telah dikenal pasti oleh pihak fakulti UiTM Kampus Rembau untuk kembali ke kampus pada sesi Mac 2022 bagi mengikuti sesi perkuliahan secara bersemuka (F2F).

Surat kami : 100-UiTMKNS/R (HEA.37/9)

Tarikh : 10 Mac 2022

4. Inisiatif ini akan dapat membantu para pelajar yang berkeperluan kepada praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel, perisian khusus dan peralatan, mendapatkan pendedahan yang khusus dalam menyempurnakan keperluan dan tugas kursus berkaitan. Selain itu juga, ianya dapat memberi peluang kepada pelajar yang tidak pernah menjejaki kampus sebelum ini untuk memperoleh pengalaman dan suasana pembelajaran di kampus.

5. Berikut adalah perkara – perkara penting yang melibatkan sesi perkuliahan secara bersemuka di kampus pada sesi Mac hingga Ogos 2022 bagi UiTM Kampus Rembau:

- a) Perincian maklumat kod kursus dan semester pelajar yang terlibat dengan sesi perkuliahan bersemuka boleh dirujuk pada **LAMPIRAN A**.
- b) Senarai pelajar yang akan terlibat dengan sesi perkuliahan secara bersemuka di kampus boleh disemak pada pautan [https://bit.ly/F2F\\_N5](https://bit.ly/F2F_N5)
- c) Bagi pelajar dan kod kursus yang **tidak disenaraikan untuk sesi perkuliahan secara bersemuka**, pelajar akan meneruskan pembelajaran secara *Open and Distance Learning (ODL)* di kediaman masing-masing.
- d) Pelajar yang lengkap vaksinasi dan tidak lengkap vaksinasi dibenarkan masuk ke kampus.
- e) Pelajar yang belum menerima vaksin lengkap atau belum mendapat sebarang vaksin perlu memenuhi ketetapan berikut:
  - i. Melaksanakan ujian COVID-19 dan memaparkan keputusan negatif.  
(Nota: keputusan ujian hanya sah untuk tempoh tiga (3) hari sahaja)
  - ii. Kos ujian adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.
  - iii. Pelajar berkenaan hanya dibenarkan hadir ke kampus selepas keputusan negatif dipaparkan / dibuktikan.

6. Pelajar yang tidak terlibat dengan sesi perkuliahan secara bersemuka di kampus namun berhasrat untuk kembali ke kampus (berdasarkan sepuluh (10) kategori yang diberikan keutamaan) untuk menggunakan kemudahan dan prasarana kampus bagi meneruskan pembelajaran secara *Open and Distance Learning (ODL)* boleh mengemukakan permohonan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UiTM Kampus Rembau **selewat-lewatnya pada 13 Mac 2022** melalui pautan <https://forms.gle/d7tdET6yNqsGnkwS6>

7. Berikut adalah perkara-perkara penting bagi pelajar yang ingin memohon kemudahan kolej kediaman berdasarkan Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Bilangan 2 Tahun 2022:

- a. Permohonan menduduki kolej kediaman dibuka kepada pelajar sepenuh masa secara berfasa untuk semua kategori pengajian yang bekeperluan hadir ke kampus yang telah ditentukan oleh pihak kolej pengajian / fakulti / pusat akademik / kampus serta mendapat kelulusan Universiti.
- b. Pelajar yang ingin memohon bagi menduduki kolej kediaman **hendaklah lengkap dos vaksin** mengikut ketetapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- c. Pelajar- pelajar yang menepati syarat yang ditetapkan boleh membuat permohonan melalui Sistem e-Kolej di portal pelajar mulai **7 hingga 17 Mac 2022**. Tarikh penting berkaitan permohonan adalah berpandukan tarikh seperti di **LAMPIRAN B**.
- d. Bayaran bagi kolej kediaman akan dikenakan kepada pelajar- pelajar seperti bayaran asal.

Surat kami : 100-UiTMKNS/R (HEA.37/9)

Tarikh : 10 Mac 2022

8. Pelajar yang lengkap divaksin merujuk kepada individu yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (seperti Cominaty (Pfizer-BioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), Corona Vac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau
- ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.

*\*\* Definisi 'lengkap divaksin' tertakluk kepada arahan terkini pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.*

9. Pelajar perlu mengemaskini status penerimaan vaksin dan membuat deklarasi harian saringan COVID-19 melalui Sistem SaringC19 UiTM di pautan <https://saringc19.uitm.edu.my/#/>


10. Sebarang pertanyaan lanjut saudara/saudari boleh menghubungi bahagian/unit berikut :-

BIL.	BAHAGIAN / UNIT	NO. TELEFON
1.	Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)	06-6982155 / 2161
2.	Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)	06-6982052 / 2060
3.	Unit Pengurusan Kolej dan <i>Non Resident</i> (UPKNR)	06 -6982336 / 2331 / 2338

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,



**PROFESOR DR. YAMIN BIN YASIN**  
Rektor  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

- s.k
1. Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik
  2. Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
  3. Penolong Rektor UiTM Kampus Rembau
  4. Ketua Pusat Pengajian Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
  5. Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
  6. Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan Maklumat
  7. Unit Pengurusan Kolej dan *Non Resident* (UPKNR)
  8. Pejabat Polis Bantuan
  9. Pejabat Unit Kesihatan

**SENARAI KOD KURSUS YANG TERLIBAT DENGAN SESI PERKULIAHAN SECARA BERSEMUKA  
DI KAMPUS BAGI UTM KAMPUS REMBAU SESI MAC - OGOS 2022**

KAMPUS	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM	SEMESTER PELAJAR PADA SESI MAC 2022	BIL.	KOD KURUS	MOD PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	PERKULIAHAN SECARA BERSEMUKA (F2F / BL) DI KAMPUS REMBAU (✓)		
							FASA 1	FASA 2	FASA 3
							(28 MAC - 30 APRIL 2022)	(9 - 29 MEI 2022)	(6 JUN - 17 JULAI 2022)
UTM KAMPUS REMBAU	BA111	DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN	SEMESTER 5	1	ECO261	F2F	ODL (di kediaman masing-masing)	✓	✓
				2	ENT300	F2F		✓	✓
				3	FIN358	F2F		✓	✓
				4	INS200	F2F		✓	✓
				5	MGT340	F2F		✓	✓
				6	MGT361	F2F		✓	✓
	BA119	DIPLOMA PENGAJIAN PERBANKAN	SEMESTER 5	1	ENT300	F2F	ODL (di kediaman masing-masing)	✓	✓
				2	FIN358	F2F		✓	✓
				3	FIN360	F2F		✓	✓
				4	FIN365	F2F		✓	✓
				5	FIN368	F2F		✓	✓
				6	MGT345	F2F		✓	✓
	IM110	DIPLOMA PENGURUSAN MAKLUMAT	SEMESTER 4	1	IMD221	BL	✓	✓	✓
				2	IMD222	F2F	✓	✓	✓
				3	IMD223	F2F	✓	✓	✓
				4	IMD224	BL	✓	✓	✓
				5	IMD225	BL	✓	✓	✓
				6	IMD226	F2F	✓	✓	✓
				7	IMD227	BL	✓	✓	✓
			SEMESTER 5	1	IMD311	F2F	✓	✓	✓
				2	IMD312	BL	✓	✓	✓
				3	IMD313	BL	✓	✓	✓
	MC110	DIPLOMA KOMUNIKASI DAN MEDIA	SEMESTER 5	1	COM322	F2F	ODL (di kediaman masing-masing)	✓	✓
				2	COM363	F2F		✓	✓
				3	COM323	F2F		✓	✓
	MC243	SARJANA MUDA KOMUNIKASI MASSA (KEPUJIAN) PENYIARAN	SEMESTER 2	1	BRO410	F2F	ODL (di kediaman masing-masing)	✓	✓
				2	BRO455	F2F		✓	✓
				3	BRO533	F2F		✓	✓
			SEMESTER 3	1	BRO432	F2F	ODL (di kediaman masing-masing)	✓	✓
				2	BRO503	F2F		✓	✓
3				COM651	F2F	✓		✓	
SEMESTER 4			1	BRO655	F2F	ODL (di kediaman masing-masing)	✓	✓	
			2	COM569	F2F		✓	✓	
			3	COM570	F2F		✓	✓	

**INDIKATOR**

1. F2F = Pembelajaran Bersemuka

2. BL = Pembelajaran Teradun (Bersemuka + Secara Dalam Talian)

3. ODL = Pembelajaran Secara Terbuka dan Jarak Jauh

**TARIKH PENTING PERMOHONAN KOLEJ KEDIAMAN  
BAGI PELAJAR DIPLOMA DAN SARJANA MUDA  
SESI OKTOBER 2021- FEBRUARI 2022**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>FASA 1</b>	<b>FASA 2</b>	<b>FASA 3</b>	<b>TINDAKAN</b>
1	Permohonan kolej kediaman secara dalam talian dibuka di portal pelajar	7/3/2022	11/4/2022	23/5/2022	Pelajar / Jabatan Infostruktur / Kolej Kediaman
2	Permohonan kolej kediaman secara dalam talian ditutup	17/3/2022	21/4/2022	29/5/2022	Jabatan Infostruktur
3	Proses semakan dan kelulusan permohonan kolej kediaman	18/3/2022	22/4/2022	30/5/2022	Kolej Kediaman
4	Keputusan permohonan kolej kediaman dikeluarkan	21/3/2022	25/4/2022	31/5/2022	Kolej Kediaman
5	Proses pra pendaftaran pelajar dibuat bagi pelajar yang diluluskan permohonan	21/3/2022	25/4/2022	1/6/2022	Kolej Kediaman
6	Pelajar mencetak slip pra pendaftaran kolej kediaman	23/3/2022	27/4/2022	2/6/2022	Pelajar
7	Pelajar mula mendaftar di kolej kediaman	25/3/2022	6/5/2022	3/6/2022	Pelajar Kolej Kediaman
<b>JUMLAH MINGGU</b>		<b>MINGGU KE - 1 - 5</b>	<b>MINGGU KE - 6 - 8</b>	<b>MINGGU KE - 9 - 14</b>	

Nota: Slip pra pendaftaran kolej kediaman hendaklah dibawa bersama dengan slip bayaran kolej kediaman semasa pendaftaran kolej kediaman.